

# MTE rangsang ekonomi, peluang kerja

**KUALA LUMPUR 12 Feb.** - Majlis Tindakan Ekonomi (MTE) yang ditubuhkan semalam perlu tampil dengan pelan jangka masa pendek dan sederhana dalam bentuk pakej rangsangan ekonomi yang dapat melimpahkan kekayaan kepada rakyat terbanyak.

Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM), **Ahmad Yazid Othman** berkata, analisis mendalam terhadap keadaan ekonomi semasa perlu dibuat seterusnya membuahkannya penyelesaian menyeluruh untuk menangani dilema ekonomi yang dihadapi rakyat ketika ini.

Tambahnya lagi, majlis tersebut juga perlu menjadi lebih baik berbanding Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang ditubuhkan pada tahun 1998.

"Bukan sahaja secara polisi, tetapi juga dari segi pakej rangsangan yang diperlukan untuk menjana ekonomi. Banyak projek pembangunan yang perlu diperkenalkan untuk menjana ekonomi dan aktiviti di (peringkat) bawah supaya dapat memberi keyakinan kepada rakyat untuk berbelanja dan mengembalikan keyakinan pelabur.

"Kita perlu fikir apa projek-projek yang boleh cipta lebih banyak peluang pekerjaan yang berkualiti kepada rakyat dan ia akan membantu," jelasnya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sementara itu, Pengurus



**AHMAD YAZID**



**AHMED RAZMAN**

Pembangunan Perniagaan Putra Business School (PBS), **Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff** pula berkata, MTE merupakan manifestasi keseriusan kerajaan menangani isu ekonomi yang dekat di hati rakyat dan tidak hanya berpuas hati dengan indikator makro ekonomi bersifat positif semata-mata.

Bagaimanapun, beliau berharap majlis itu faham tentang objektif penubuhannya iaitu bukan sahaja untuk menangani masalah sedia ada tetapi juga memastikan masalah tersebut tidak lagi wujud ataupun sekurang-kurangnya dapat diminimumkan pada masa akan datang.

"Selain itu, usaha serius juga perlu dibuat untuk memastikan kos sara hidup dan jurang pendapatan serta kekayaan tidak makin meninggi yang mana penyelesaiannya mesti merangkumi kepada mengenal pasti alternatif kepada sistem mata wang fiat (mata wang yang tidak disandarkan pada komoditi) pada masa ini," katanya.